



Kakitangan Kuin bersama-sama memasak bubur asyura.

Kuin edar 520 bekas bubur asyura

KUALA KETIL - Badan Kebajikan Staf (BKS) Kolej Universiti Insaniah (Kuin), di sini mengedarkan 520 bekas bubur asyura kepada warga kolej berkenaan sempena meraikan awal Muharam.

Pengerusi BKS, Mohamad Hazli Ismail berkata, seramai 50 kakitangan Kuin mengadakan gotong-royong menyediakan lima kawah bubur asyura.

Menurutnya, Majlis Rewang Bubur Asyura itu diadakan pada setiap tahun bagi mengeratkan silaturahim di antara kakitangan Kuin.

“Majlis Rewang Bubur Asyura itu diadakan pada setiap tahun bagi mengeratkan silaturahim antara kakitangan Kuin.” - Hazli

"Kita turut mengedarkan bubur asyura kepada pelajar dari luar negara yang belajar di sini.

"Program ini dapat membudayakan amalan gotong-royong dalam kalangan kakitangan Kuin," katanya.